


KENYATAAN DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH

25 APRIL 2022



ok
P. D. S. / P. S.

1. PERTANDINGAN KECERIAAN LANDSKAP SKIM PERUMAHAN BERSTRATA DI KAWASAN SEBERANG PERAI TAHUN 2022 (#LAMANHIAU)

Dimaklumkan penganjuran pertandingan kali ke-3 ini diadakan untuk memberi pengiktirafan kepada Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam meningkatkan kualiti alam sekitar di kawasan seluruh Seberang Perai di bawah Pelan Strategi Seberang Perai 2018-2022. Penyertaan terbuka kepada semua JMB/MC skim pemajuan berstrata kos rendah (LC) dan kos sederhana rendah (LMC). Tarikh tutup penyertaan adalah pada **30 Jun 2022**. Hadiah yang ditawarkan bagi kedua-dua kategori adalah seperti berikut:-

Pertama : Wang tunai RM3,000 + cenderahati

Kedua : Wang Tunai RM2,000 + cenderahati

Ketiga : Wang Tunai RM1,000 + cenderahati

Sebarang maklumat dan pertanyaan boleh layari

www.mbsp.gov.my menghubungi 04-5497 786 / 787 / 516.

2. SAMBUTAN HARI PEKERJA 2022

Dimaklumkan bahawa Hari Pekerja akan disambut pada 1 Mei 2022 (Ahad). Justeru, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Pekerja kepada seluruh warga kerja Seberang Perai. Oleh itu, hari tersebut merupakan hari kelepasan am.

3. SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2022

Dimaklumkan bahawa seluruh umat Islam dijangka akan menyambut Hari Raya Aidilfitri pada 3 Mei 2022 (Selasa) selepas berpuasa selama sebulan. Oleh itu, saya dengan rasa kesyukuran dan rendah hati ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin kepada seluruh warga kerja MBSP dan penduduk Seberang Perai. Diharapkan perayaan pada tahun ini dapat mengeratkan lagi silaturrahim sesama kita dan saling menghormati antara satu sama lain.

4. SELAMAT MENYAMBUT HARI WESAK

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan selamat Hari Wesak kepada semua penganut agama Buddha yang bakal meraikannya pada 15 Mei 2022 (Ahad). Oleh itu, hari tersebut merupakan hari melepaskan am.

5. SENTIASA MEMATUHI PROSEDUR OPERASI STANDARD (STANDARD OPERATING PROCEDURE) DEMI MEMERANGI COVID-19

Diingatkan seluruh kakitangan MBSP dan seluruh penduduk Seberang Perai sentiasa mematuhi Prosedur Operasi Standard yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia(KKM) dan amalkan norma baharu setiap masa bagi membendung penularan Covid-19. Saya menyeru sekali lagi, penduduk Seberang Perai mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) yang telah ditetapkan supaya kita kekal sihat.

SEKIAN, TERIMA KASIH.



PERTANDINGAN KECERIAAN LANDSKAP SKIM PERUMAHAN BERSTRATA DI MBSP

#LamanHijau2022

Penyertaan terbuka kepada semua Badan Pengurusan (JMB/MC) kategori kos rendah (LC) dan kos sederhana rendah (LMC) di seluruh Seberang Perai

Hadiah yang ditawarkan bagi kedua-dua kategori :-

- Pertama : Wang tunai RM3,000 + cenderahati
- Kedua : Wang tunai RM2,000 + cenderahati
- Ketiga : Wang tunai RM1,000 + cenderahati

Sila hantar borang penyertaan lengkap ke Jabatan COB sebelum 30 Jun 2022

Sebarang pertanyaan boleh hubungi 04-5497786/787/516

